

TOLERANSI BERAGAMA DAN AMALANNYA DI MALAYSIA: RUJUKAN KEPADA ARTIKEL 11 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Oleh:

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali*

Mohd Herzali Mohd Haled**

ABSTRAK

Artikel ini memaparkan kupasan mengenai persoalan konsep toleransi beragama dari sudut pandangan Islam dengan menjadikan beberapa terma penting yang terdapat di dalam al-Qur'an dan Hadith sebagai sandaran kepada pokok perbincangan. Garapan daripada penjelasan konsep toleransi tersebut seterusnya dijadikan sebagai landasan dalam membahaskan kedudukan toleransi beragama di Malaysia merujuk kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Realitinya, amalan toleransi beragama di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang 'kabur'. Beberapa faktor luaran dan dalaman antara penyebab kepada kekenduran amalan tersebut pada masa kini. Umat Islam terutamanya dan masyarakat Malaysia keseluruhannya patut menyedari akan kelemahan-kelemahan tersebut dan mengambil langkah segera dengan bijaksana bagi memastikan keluhuran perlembagaan dan toleransi beragama di negara ini akan terus kekal terpelihara.

* Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Ph.D, merupakan Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Mohd Herzali Mohd Haled, B.Us., merupakan calon sarjana Usuluddin di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ABSTRACT

This article looks into the concept of religious tolerance from the Islamic perspective with a focus on some key terms from al-Qur'an and al-Hadith. These key terms serve as a guiding post in discussing the focal issues from this article. Thus, the concept of religious tolerance is then compared to the Malaysian Federal Constitution Act 11. In reality, the implementation of religious tolerance is still 'blurry' or underdeveloped. The cause of this underdevelopment is due to some external and internal factors. Muslims especially and all Malaysian should be aware and made aware of this shortcoming and take immediate steps to ensure the majesty of the constitution to maintain a religious tolerance in Malaysia.

Keywords: Tolerance, Malaysian Federal Constitution

PENDAHULUAN

Islam merupakan sebuah agama yang sentiasa mengamalkan sifat universal ('*alamiyyah*)¹, toleransi (*tasāmuḥ*)² dan kasih sayang (*mahabbah*)³ dalam segenap perkara. Ini amat bertepatan dengan maksudnya sebagai "selamat dan sejahtera". Ketiga-tiga istilah tersebut mempunyai hubung kait yang amat rapat antara satu sama lain. Pun begitu, kesemua istilah tersebut perlu diperhalusi dengan lebih mendalam agar kita tidak tersalah dalam memahami dan menerimanya.

KONSEP TOLERANSI

Dalam Surah al-Anbiyā' 21:107 memberikan gambaran yang jelas bahawa Islam membawa suatu ajaran yang bersifat universal (*Rahmatan lil 'Ālamīn*). Namun demikian, sifat universal yang dimaksudkan tertakluk pada kesesuaian dan kewajarannya yang boleh diterima dan dipraktikkan oleh seluruh manusia.⁴ Dengan kata lain, tidak kesemua inti pati ajaran Islam

¹ Surah al-Anbiyā' 21:107.

² Surah al-Baqarah 2: 256; Surah Yūnus 10:99; Surah al-Hajj 22:40-41.

³ Surah al-Hujurāt 49:13.

⁴ Sehubungan itu, dalam hal-hal ibadat seperti cara wuduk, perkahwinan, perwarisan harta pusaka dan sebagainya tidak termasuk dalam pengertian universal tersebut. Sebaliknya Islam hanya menekankan soal nilai-nilai sosial atau kemanusiaan.

itu adalah bersifat universal kerana ibadah khasnya, ia melambangkan nilai-nilai “*absolute*” yang terkandung di dalam agama Islam itu sendiri.

Justeru itu, universal dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua kerangka utama. Pertama; kesatuan mutlak terhadap Tuhan Yang Maha Esa (*tawhid*) yang dilandasi dengan satu keyakinan yang utuh tanpa batasan ras, bangsa dan sempadan geografi. Kedua; penegasan prinsip-prinsip moral seperti keadilan, *mushāwarah*, tolong-menolong, melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kesejahteraan dan juga larangan daripada melakukan perkara-perkara yang membawa kepada bencana atau kemusnahan.⁵

Sementara itu, Islam juga sangat menjunjung tinggi sifat toleransi (*tasāmuḥ*) sebagai sebahagian daripada kekuatan Islam.⁶ Islam bukan agama yang berorientasikan paksaan mahupun penindasan. Perkara ini telah dijelaskan dengan tegas di dalam al-Qur'an sebagaimana antara firmanNya yang bermaksud:⁷

Allah S.W.T. tidak mlarang kamu untuk berlaku adil serta berbuat baik terhadap mereka yang tidak memerangi kamu kerana agama dan (terhadap mereka yang) tidak mengusir kamu dari rumahmu. Sesungguhnya Allah S.W.T. mencintai orang yang adil.

Berasaskan ayat tersebut, jelas bahawa perbezaan agama bukanlah alasan untuk tidak berlaku adil. Justeru, berlaku adil dan berkelakuan baik terhadap orang lain yang berbeza keyakinan merupakan sebahagian daripada syarat terpenting yang membawa kepada sifat toleransi.

Selain daripada itu, sifat yang utama dalam Islam adalah *maḥabbah* yang juga merupakan intipati terpenting kepada konsep *rahmah* yang bermaksud kasih sayang. Prinsip ini menekankan penonjolan sikap berkasih sayang sesama insan terutamanya terhadap umat Islam dan sewajarnya juga kepada non-Muslim yang tidak memperlihatkan permusuhan mahupun penentangan terhadap Islam dan umatnya. Pendekatan ini selaras dengan keteladanan yang diperlihatkan oleh Rasulullah s.a.w.. Justeru, *maḥabbah* dilihat mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan toleransi (*tasāmuḥ*) yang memerlukan setiap individu untuk bersikap berlapang dada, rasional dan profesional dalam sesuatu perkara. Namun begitu, *maḥabbah* dilihat mengandungi maksud dan pendekatan yang lebih ideal berbanding toleransi. Ini kerana toleransi sering sahaja boleh menimbulkan kekeliruan

⁵ Syahrin Harahap (1997), *Islam Dinamis: Menegakkan Nilai-nilai Ajaran al-Qur'an Dalam Kehidupan Modern di Indonesia*. Yogyakarta: Tiara Wacana, h. 286-287.

⁶ Lihat Le Bon, Gustave (1969), *Hadarat al-'Arab*. Zu'aytir, 'Adīl (terj.), Kaherah: Maṭba'ah Ḫāṣib al-Bābī al-Ḥalabī, h. 126.

⁷ Surah al-Mumtaḥanah 60:8.

di kalangan masyarakat hingga menimbulkan persoalan siapa yang perlu "bertolak" dan siapa pula yang perlu "beransur". Lantaran itu jugalah terdapat pihak-pihak tertentu yang mula berani mencabar kredibiliti dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan sejak akhir-akhir ini.

Bertitiktolak daripada itu, artikel ini diharapkan dapat memperkemaskan kefahaman dan tanggapan masyarakat terhadap pengertian toleransi atau *maḥabbah* dalam kehidupan beragama sebagaimana yang telah diperaktikkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para Sahabat yang berasaskan prinsip universal dan kasih sayang, dengan berpegang kepada beberapa dalil naqli, iaitu:

[1] **وَمَا أُرْسَلْنَاكُ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ⁸**

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. ke dunia dan intipati ajaran yang dibawanya, tidak lain adalah suatu rahmat kepada sekalian alam. Dengan kata lain, Islam juga ingin mengingatkan kepada umatnya bahawa ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. bukan terbatas kepada sesuatu bangsa tertentu. Bahkan kandungan ajarannya juga mengandungi prinsip-prinsip universal yang mampu mewujudkan keadilan kepada penganut-penganut agama lain di dunia.

[2] **إِنَّمَا يُكَرَاهُ فِي الدِّينِ⁹**

Ayat kedua menggambarkan kepentingan sifat toleransi di dalam Islam hatta dalam urusan keagamaan. Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa kebenaran adalah suatu yang telah nyata dan begitu pula sebaliknya. Justeru, setiap individu mempunyai hak untuk memilih kepercayaan atau keyakinan agamanya sendiri dengan berbekalkan akal dan wahyu yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T.. Pun begitu, Islam telah menetapkan syarat dalam hal bertoleransi melalui penegasan pada ayat berikutnya:

[3] **لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِي¹⁰**

Ini bererti, setiap penganut agama boleh mengamalkan keyakinan ajarannya masing-masing dan dalam pada masa yang sama mereka tidak boleh mengganggu hak pegangan, kepercayaan dan cara hidup penganut agama lain. Kenyataan ini bukanlah bermaksud Islam mengakui kebenaran doktrin dan falsafah ajaran yang terkandung di dalam agama lain. Sebaliknya Islam sekadar mengiktiraf kewujudan agama-agama lain di dunia ini sebagai suatu *sunnatullāh*.

⁸ Surah al-Anbiyā' 21:107.

⁹ Surah al-Baqarah 2:256.

¹⁰ Surah al-Kāfirūn 109:6.

[4]

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ¹¹

Juga Hadith Nabi S.A.W.:

الْإِسْلَامُ يَعْلُو وَلَا يَعْلَمُ عَلَيْهِ¹²

Sehubungan dengan itu, ayat dan Hadith di atas telah menyebutkan dengan jelas bahawa agama yang benar dan diterima di sisi Allah s.a.w. hanyalah Islam. Dengan ini jelas bahawa sifat toleransi beragama bukanlah bermaksud “sehingga perlu mengorbankan kesucian Islam dan dalam pada masa yang sama tidak sampai kepada mengabaikan kewujudan agama-agama yang lain di dunia ini” Pun begitu hanya dalam aspek pengiktirafan terhadap kewujudan agama-agama lain. Bukannya bermaksud mengiktiraf keabsahan agama-agama selain ajaran Islam.

Dalam hal ini, toleransi beragama atau *mahabbah* yang dituntut oleh Islam bukanlah bersifat pasif. Sebaliknya ia perlu bersifat proaktif dan positif iaitu bersedia untuk mencari nilai “persamaan” di sebalik perbezaan demi menghargai prinsip hidup dan keyakinan individu lain¹³ dan seterusnya dapat dizahirkan melalui interaksi yang telus dan rasional. Sebagaimana yang terkandung di dalam Surah al-Hujurāt 49:13, keanekaan ras, bangsa dan budaya merupakan suatu keadaan yang telah ditetapkan Allah S.W.T. kepada manusia agar bersikap pluralistik dengan saling kenal-mengenali (*li ta‘ārafi*) dan faham-memahami (*tafāhūm*) antara satu dengan yang lain.¹⁴ Justeru, dengan berdasarkan kepada *taṣawwur* awal serta prinsip-prinsip *mahabbah* atau toleransi beragama ini, kajian ini akan cuba memaparkan realiti, cabaran dan cadangan yang sewajarnya diperhalusi dengan lebih tulus dan rasional bagi mencapai hasrat yang dinginkan sejajar dengan pernyataan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

¹¹ Surah Āli ‘Imrān 3:19.

¹² Ibn Ḥajar ‘Asqalānī (t.t.), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Janā’iz”, no. Hadith 1353, j. 3, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 218.

¹³ Muhammad Natsir (1983), *Islam dan Kristen di Indonesia*. Jakarta: Media Dakwah, h. 205.

¹⁴ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2004), “Budaya Kenal-Mengenal dalam Pembinaan Ummah Sejagat” dalam Mohd Fauzi Hamat *et al.* (eds.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 259.

MALAYSIA DAN TOLERANSI BERAGAMA: RUJUKAN SEJARAH DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Selepas kejayaan mencapai kemerdekaan, masyarakat Malaysia telah melalui beberapa fasa perubahan kesan daripada pertembungan ketamadunan dan keagamaan suatu ketika dahulu. Hal ini memungkinkan masyarakat Melayu-Muslim khususnya telah kehilangan hak “kebebasan mutlak” terutamanya dalam melakukan sebarang bentuk aktiviti keagamaan. Sebaliknya mereka perlu berkongsi hak kebebasan bersama kaum-kaum dan penganut-penganut agama lain yang wujud di negara ini. Pelbagai pendekatan telah dibuat oleh kerajaan dalam mengawal situasi tersebut termasuklah melalui penggubalan undang-undang. Bahkan kerajaan sentiasa memandang serius perkara ini memandangkan berlakunya peningkatan sensitiviti keagamaan daripada penganut-penganut agama lain yang dilihat semakin ketara.¹⁵ Realiti ini lebih jelas lagi apabila sejak akhir-akhir ini sudah ada pihak-pihak tertentu yang berani menyentuh kredebiliti Perlembagaan Persekutuan khususnya membabitkan isu hak asasi dan kebebasan beragama.

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia selama ini adalah dengan bersandarkan kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mana “tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal (4),¹⁶ mengembangkan agamanya”.¹⁷ Daripada peruntukan ini, sudah jelas bahawa umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agamanya masing-masing dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam. Namun begitu, hak keistimewaan yang telah dikehendaki sekian lama ini sudah mula dicemari dengan campur tangan beberapa pihak yang berniat jahat untuk menggugat kedudukan agama Islam dan toleransi beragama di negara ini. Walaupun masalah sebegini pernah berlaku beberapa kali sehingga melibatkan institusi kehakiman sebelum ini, namun kes Lina Joy adalah masalah yang paling

¹⁵ Ahmad F. Yousif (1998), *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience*. Batu Caves: Thinker's Library, h. 56.

¹⁶ Fasal (4) menyebutkan undang-undang boleh dibuat untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Lihat Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (1999), *Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi semua pindaan hingga 1 Januari 1999)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 7. Pun begitu, amat sayang sekali kerana belum ada undang-undang yang dibuat secara jelas untuk menghalang pengembangan agama-agama lain terhadap orang-orang Islam. Kalaupun ada mungkin di beberapa buah negeri sahaja.

¹⁷ *Ibid.*, h. 6.

besar untuk ditangani hingga setakat ini. Ini kerana ia merupakan kes pertama membabitkan Artikel 11 yang dibawa ke peringkat Mahkamah Persekutuan untuk ditafsirkan.

Perlu disedari bahawa sekiranya kes ini gagal untuk ditangani dengan cermat dan teliti maka ia akan memberi implikasi yang cukup besar terhadap status agama Islam khasnya serta keluhuran Perlembagaan amnya, iaitu antaranya:

- i. Keistimewaan Islam sebagai Agama Persekutuan [Artikel 3(1)] tidak akan bermakna lagi kerana Islam akan dianut dan diamalkan seperti agama-agama lain.
- ii. Kedaulatan dan kuasa Raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam bagi setiap Negeri [Artikel 3(2)] dan yang diPertuan Agong bagi Negeri-Negeri tidak beraja dan Wilayah-Wilayah Persekutuan [Artikel 3 (3) dan (5)] akan terhapus.
- iii. Artikel 11(4) tidak akan bermakna lagi kerana orang bukan Islam boleh memurtadkan orang Islam.
- iv. Pengurusan institusi-institusi Islam yang diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan dan Negeri [Artikel 12(2)] akan turut terhapus.

Perkembangan yang berlaku di negara kita sejak akhir-akhir ini menyedarkan kita tentang peri pentingnya soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat pelbagai agama dan kaum di negara ini. Dasar-dasar kerajaan yang sedia ada seperti Rukun Negara, Dasar Pendidikan Negara dan DEB tidak cukup untuk memastikan kekuahan dan kestabilan sosial masyarakat majmuk di negara ini tanpa ditunjangi dengan kesedaran yang tinggi serta kefahaman dan penghayatan yang telus dan jelas oleh setiap lapisan masyarakat terhadap dasar-dasar tersebut. Apatah lagi isu HINDRAF turut memarakkan lagi persoalan toleransi beragama di Malaysia ditelusuri lebih mapan.

Kekacauan yang cuba dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terhadap keluhuran Perlembagaan menggambarkan terdapatnya segelintir masyarakat yang tidak jujur dan berniat jahat terhadap negara. Soal kebebasan beragama tidak seharusnya diperbalahkan kerana masyarakat majmuk di Malaysia tidak pernah mengalami sebarang bentuk penindasan sama ada dari sudut perkauman maupun keagamaan. Kedudukan agama Islam dan agama-agama lain telah diperjelaskan melalui Perlembagaan Persekutuan pada Artikel 3(1) yang memperuntukkan bahawa “Islam sebagai agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan.”¹⁸ Sementara sultan-sultan atau raja-raja adalah

¹⁸ Sila lihat Salleh Mohd. Yusof (2004), *Islam Hadhari: Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam Maju, Progresif dan Moderat*. Kuala Lumpur:

ketua bagi agama Islam di setiap negeri yang beraja [Artikel 3(2)] dan Yang diPertuan Agong bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak [Artikel 3(3)] serta bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan [Artikel 3(5)].¹⁹

Manakala di dalam Artikel 12(2) pula menyebut, tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan serta menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud tersebut. Namun ianya diberi penegasan sebagaimana yang terkandung di dalam artikel 12(3) yang menyatakan bahawa sesiapa sahaja tidak dibenarkan sama sekali untuk menuntut atau memaksa mana-mana individu mengikuti ajaran agama tertentu atau mengikuti mana-mana perayaan atau aktiviti yang dianjurkan oleh agama tertentu selain daripada agama anutannya.²⁰

Hak kebebasan beragama seperti mana yang diperuntukkan di dalam Artikel 11 Perlembagaan telah sekian lama menjadi nadi perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia. Malah pengekalan dan pembinaan rumah-rumah ibadat merupakan bukti bahawa hubungan antara masyarakat majmuk di Malaysia tetap terpelihara.²¹ Kondisi ini seharusnya perlu dihargai, dipelihara dan dipertahankan bagi memastikan kelangsungan budaya toleransi dapat dihayati oleh generasi baru. Namun, semua ini bukanlah suatu usaha yang mudah.

CABARAN DAN REALITI

Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi pada masa kini dalam mengekalkan hubungan *mahabbah* atau toleransi beragama di negara ini. Antara halangan yang utama kini adalah kesenggangan generasi (*generation gap*). Mungkin ada benarnya apa yang pernah dikatakan oleh Ibn Khaldūn iaitu satu generasi bersamaan dengan 40 tahun umur alami. Ini bermakna generasi kini merupakan generasi kedua selepas Malaysia mencapai

Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia, h. 7-10.

¹⁹ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (1999), *op.cit.*, h. 1-2.

²⁰ Ahmad F. Yousif (1998), *op.cit.*, h. 57-58.

²¹ Antaranya seperti Buddha; *Statute of the Buddha* di Sarawak dan *Burmese Buddha Temple* di Georgetown, Kristian; *Catholic Church Jalan Templer* di Petaling Jaya dan *St. Peters Church* (gereja tertua di Malaysia yang dibina oleh Belanda pada 1710) di Melaka, Hindu; *Arulmigu Mahamariaman Temple Lebuh Queen Street* di Georgetown dan *Sri Siti Vinayagar Temple Jalan Templer* di Petaling Jaya. Lihat Ahmad F. Yousif (1998), *op.cit.*, h. 79-129.

kemerdekaan dan pada generasi inilah lazimnya semangat juang menjadi semakin pudar. Justeru tidak hairanlah sekiranya ikatan perjanjian yang pernah dipersetujui bersama setiap kaum suatu ketika dahulu dipersoalkan semula disebabkan sikap saling mempercayai dan menghormati yang telah mulai luntur.

Fenomena yang berlaku ini juga adalah disebabkan perubahan gaya hidup yang berlaku akibat daripada kepesatan aliran sistem komunikasi dan informasi antarabangsa. Hal ini telah meluaskan lagi ruang setiap masyarakat untuk bersikap individualistik, seterusnya melunturkan rasa kepedulian terhadap sosial, terperangkap dalam kehidupan *hedonistic* yang akhirnya memperkuuh kelunturan idealisme serta semangat juang dan juga sikap *agnostic* (tidak acuh) terhadap kepentingan agama di kalangan warga Malaysia.²²

Di samping itu juga, dominasi kaum atau etnik tertentu terhadap sesuatu agama adakalanya mempengaruhi interaksi sosial antara masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana apabila setiap etnik atau kaum akan sentiasa memperlihatkan usaha menzahirkan dan memurnikan kehidupan beragamnya masing-masing, pastinya akan menimbulkan persaingan yang berbentuk eksklusivistik keterlaluan yang membawa kepada salah faham dan ketegangan. Keadaan ini lebih jelas dilihat berlaku kepada kaum atau etnik Melayu khasnya. Justeru, kebanyakan konflik yang berlaku walaupun berkaitan dengan perkauman, ia sering sahaja mengheret agama-agama tertentu terlibat sama. Konflik-konflik sebegini juga sering kali berpunca daripada sifat “dua muka” yang wujud pada setiap agama. Pada satu sudut, agama memiliki nilai-nilai yang bersifat inklusif, universal dan transenden. Namun pada sudut yang lain pula agama turut mengandungi hal-hal yang bersifat eksklusif, partikular dan primordial.²³ Ketidakaktepatan dalam memahami sifat “dua muka” ini merupakan penyebab kepada terjadinya antagonisme antara masyarakat berbilang agama.²⁴ Inilah yang telah mewarnai sebahagian besar daripada punca berlakunya konflik atau rusuhan di Malaysia dan begitu juga di kebanyakan negara lain.

²² Ghazali Basri (Dr.) (2004), *Islam dan Keharmonian Hidup Beragama di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, h. 10.

²³ Bahtiar Effendy (2001), *op.cit*, h. 42.

²⁴ Dalam konteks politik dan ideologi, hal semacam ini boleh dibaca dalam semangat perdebatan yang kental perbezaan absolutismenya antara pengikut agama. Terutama sekali dalam upaya mereka menetapkan dasar negara, sebagaimana yang diusahakan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Bermula daripada sikap tersebut juga telah mendorong pula kepada sikap inklusivistik yang keterlaluan dengan meletakkan semua agama adalah sama. Fenomena ini telah mencetuskan faham pluralisme agama yang diasaskan kepada Kesatuan Transenden Agama-agama (*Trancendent Unity of Religions*) yang menanggapi kebenaran mutlak tentang Tuhan adalah milik bersama semua agama, sekaligus benar dan menyama tarafkan semua agama.²⁵ Gerakan pemikiran tersebut kini giat dilakukan terutamanya oleh kelompok Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia. Perkara ini seharusnya ditangani dengan segera secara ilmiah agar tidak menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam.

Berdasarkan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat majmuk di Malaysia pada masa kini, amalan *mahabbah* atau toleransi beragama di Malaysia tidak berlangsung dengan cara yang telus dan bersungguh, sebaliknya ia boleh dianggap hanya bersifat kosmetik. Keharmonian yang bercorak tempelan sebegini boleh mengundang kepada risiko perpecahan kerana ia lebih bersifat utilitarian dan tidak berasaskan “idealisme tulen”.²⁶ Dengan kata lain, keharmonian yang terzahir hanya berada pada aras permukaan sahaja. Kalaupun ada kesungguhan dibuat untuk tujuan tersebut, ia hanya berlaku di kalangan kelompok-kelompok kecil terutamanya golongan intelek di kawasan bandar dan tidak meliputi kesemua etnik khususnya di kawasan pedalaman.

Hakikatnya tahap integrasi antara kaum dan agama sehingga ke hari ini masih sukar untuk mencapai kepada tahap yang lebih tinggi iaitu asimilasi²⁷ dan amalgamasi.²⁸ Jika dinilai melalui model integrasi Ali Mazrui, hubungan antara kaum yang berlaku di negara ini berada pada tahap “*a relationship of compromise*”. Tahap ini menampakkan peningkatan kepada perhubungan yang berlandaskan kompromi antara kaum atau etnik. Para pemimpin setiap kaum atau etnik terpaksa meningkatkan tahap persefahaman dengan menerima beberapa dasar kerajaan yang bertujuan membina bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan mengenepikan fahaman sempit yang bersifat perkauman. Walaupun masyarakat Malaysia sudah

²⁵ Alwi Sihab (1999), *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama*. Bandung: Penerbit Mizan, h. 23-27.

²⁶ Abu Hassan Othman (2005), “Hubungan Harmoni Antara Kaum Kunci Kestabilan Negara” dalam *Islam Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 497.

²⁷ Satu proses yang adakalanya dinamakan sebagai asimilasi struktur untuk membezakannya daripada akulturasi atau asimilasi budaya. Konsep asimilasi menjelaskan kemasukan ke dalam masyarakat dominan melalui persahabatan dan berkait rapat.

²⁸ Suatu proses yang terjadi apabila budaya atau ras bercampur untuk membentuk jenis-jenis budaya dan ras yang baru.

berada pada tahap tersebut, proses integrasi ini tidak menampakkan transformasi berterusan menuju ke tahap yang seterusnya iaitu “*the stage of coalescence*”. Ini kerana memerlukan penyatuan masyarakat dari pelbagai kaum atau etnik sebagai asas bagi penyempurnaan sebuah masyarakat baru yang sekaligus akan menyebabkan kaum pendatang kehilangan sebahagian besar daripada identiti asalnya.²⁹

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan tersebut, keadaan yang dialami kini amatlah membimbangkan. Ini kerana pengabaian terhadap budaya toleransi beragama ini mampu mendatangkan bencana kepada negara. Justeru, sewajarnya kita perlu bersama-sama menangani persoalan toleransi beragama sebagaimana yang diasaskan oleh ajaran Islam yang *rahmah*.

Sehubungan dengan itu, pendekatan secara defensif dengan menganggap isu agama merupakan suatu yang sangat sensitif untuk diperbincangkan perlu ditinggalkan. Sebaliknya pendekatan secara ofensif perlu diambil dalam usaha mewujudkan toleransi beragama di Malaysia, iaitu dengan menghargai persamaan dan perbezaan yang wujud dalam setiap agama. Kejahilan tentang perkara ini akan menimbulkan kekeliruan dan salah faham yang mampu mendorong pembinaan “tembok” tersendiri, sekaligus menghalang terjadinya interaksi agama yang akhirnya mengakibatkan persengketaan dan permusuhan.

Hasrat ini pastinya memerlukan tindakan yang bersepada dan berkesan untuk setiap lapisan masyarakat. Antara metode terbaik yang boleh dilakukan kini adalah dengan memperbanyak dan mempelbagaikan bentuk interaksi agama di kalangan masyarakat. Di samping memperbanyakkan program-program dialog dan perbincangan di kalangan tokoh-tokoh agama, ia seharusnya diperluaskan di peringkat sekolah dan IPT agar sikap prejudis dan salah faham di kalangan setiap penganut agama terhadap penganut agama yang lain dapat dibendung dan dikawal pada peringkat awal lagi. Pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi seharusnya bertanggungjawab memperkasa dan menyeragamkan subjek/disiplin agama-agama di Malaysia di seluruh institusi pendidikan. Selain daripada itu juga, kerajaan perlu berusaha memperkuuhkan kefahaman seluruh warga Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman untuk menghormati pernyataan yang terkandung di dalam Perlembagaan

²⁹ Untuk kupasan lanjut sila lihat Mazrui, Ali (1971), “Pluralism and National Integration”, dalam Kuper, Leo & Smith, M.G. (eds.), *Pluralism in Africa*. Berkeley: University of California Press, h. 334; Mohd Anuar Ramli (2003), *op.cit.*, h. 112-114.

Persekutuan Malaysia sebagai jati diri bangsa Malaysia. Untuk itu, media elektronik dan media massa perlu berperanan sebagai wadah informasi berkesan dalam menyalur dan menanamkan kefahaman tentang perkara ini kepada seluruh lapisan masyarakat terutamanya generasi muda.

Secara keseluruhannya ternyata Islam adalah asas yang menunjangi seluruh kehidupan manusia meliputi agama, budaya mahupun tamadun dalam menghadapai sebarang bentuk cabaran. Dalam era globalisasi ini kita harus bersikap secara kritis dan selektif untuk menentukan elemen-elemen yang sesuai dan positif dengan budaya tempatan kita. Ini kerana kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang akomodatif, memiliki keterbukaan yang cukup luas untuk menampung dan sekaligus mengintegrasikan unsur-unsur positif dari budaya asing. Secara langsung ia menjamin suasana yang rukun damai dan harmoni dapat dirasai oleh seluruh masyarakat beraneka agama dan bangsa di Malaysia.